



KEADAAN kawasan perumahan di Taman Seri Kerian, Bagan Serai, Perak yang sering dilanda banjir kilat, - UTUSAN/ROSHANIZA ABDUL HALIM

Kawasan perumahan sering dinaiki air

BAGAN SERAI 11 Dis. - Hujan lebat berterusan lebih dua jam menyebabkan lebih 50 rumah di Taman Seri Kerian, Jalan Siakap dekat sini, dilanda banjir kilat sehingga menenggelamkan jalan utama kawasan perumahan terbabit.

Selain kawasan perumahan tersebut, turut terjejas dengan banjir kilat itu termasuklah Sekolah Menengah Kebangsaan Alang Iskandar (SMKAI) serta beberapa premis perniagaan berdekatan yang dinaiki air setinggi kira-kira 0.3 meter.

Seorang penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Fikri, 30, memberitahu, hujan lebat sejak pukul 2 petang dan berlarutan dua jam menyebabkan air dari sistem perparitan naik mendadak sehingga memasuki kediaman penduduk.

Katanya, kejadian berkenaan bukanlah baru memandangkan banjir kilat seperti itu telah beberapa kali berlaku dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini sekiranya hujan berlarutan dua ke tiga jam sehingga menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk.

"Dua tahun lalu masalah sep-

erti ini kerap berlaku berikutan keadaan sistem perparitan yang tidak terurus. Walaupun pihak berwajib telah mengambil tindakan, tetapi kejadian ini tetap berlaku pada tahun ini.

"Kami berharap pihak berwajib dapat mencari punca sebenar kejadian banjir kilat ini dan pada masa sama kami menggesa mereka menyelenggara sistem perparitan bukan sahaja di kawasan taman perumahan ini, tetapi melibatkan sistem perparitan lain yang berhubung kait dengan kawasan ini," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Menurut Fikri, perkara itu bukan sahaja menyukarkan penduduk untuk keluar rumah, malah menyebabkan mereka berdepan risiko penyakit kulit disebabkan air yang naik dan memasuki kediaman mereka adalah dari parit utama.

"Kami berdepan kesukaran untuk keluar rumah kerana jalan utama telah dinaiki air setinggi hampir 0.3 meter. Kami sangat berharap pihak berwajib segera mengambil tindakan drastik," jelasnya.